

Artikel

Pengaruh Hak dan Undang-Undang Adat Terhadap Toleransi dan Hubungan Harmoni Antara Etnik di Sabah

(The Influence of Customary Rights and Law on Tolerance and Harmonious Relations between Ethnic in Sabah)

Rosazman Hussin^{1*}, Johan Johnes^{1,2} & Jeannet Stephen^{1,3}

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

³Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: azzs@ums.edu.my

Abstrak: Hak dan undang-undang adat merupakan salah satu inti pati penting untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan masyarakat khususnya dalam kalangan penduduk pelbagai etnik di sesebuah wilayah atau negara. Kajian ini memberi fokus kepada pemahaman mendalam berdasarkan konseptual dan sorotan literatur berkenaan pengaruh hak dan undang-undang adat terhadap toleransi dan hubungan harmoni antara etnik di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metodologi kajian iaitu merujuk dan menganalisis sumber-sumber data primer dan sekunder dalam menghasilkan dapatan kajian. Makalah ini merungkai konsep-konsep penting dalam konteks hak dan undang-undang adat yang terdapat di Sabah iaitu institusi kehakiman Mahkamah Anak Negeri, konsep Anak Negeri dan konsep Sogit. Dari segi hubungan harmoni antara etnik di Sabah, didapati bahawa melalui kepelbagaian budaya, bangsa dan agama, ahli masyarakat masih boleh bertoleransi dan menghormati adat antara satu sama lain. Malah dalam banyak situasi, adat menjadi penghubung atau tolak ansur dalam menyelesaikan konflik antara masyarakat. Dari segi keharmonian pula, adat sogit memainkan peranan yang penting dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Konsep sogit secara bersifat holistik dan mempunyai sistem menyelesaikan konflik dalam masyarakat yang tersendiri menjadi asas kepada keharmonian antara etnik di negeri ini. Oleh itu, penelitian yang lebih menyeluruh berkenaan pengaruh hak dan undang-undang adat orang asal terhadap toleransi dan hubungan harmoni antara etnik di Sabah ini perlu bagi melihat sejauh mana kerelevannya dalam konteks hubungan harmoni masyarakat majmuk di Sabah dan Malaysia.

Kata kunci: Pengaruh, hak dan undang-undang adat, toleransi, hubungan harmoni, etnik di Sabah.

Abstract: Customary rights and laws are one of the essentials in maintaining peace and well-being of society, especially among the multi-ethnic population in a region or country. This study focuses on an in-depth understanding based on conceptual and literature highlights on the influence of customary rights and laws on tolerance and harmonious inter-ethnic relations in Sabah. This study uses a qualitative approach as a research methodology that is to refer and analyze primary and secondary data sources in producing research findings. In this paper, the researcher dissects the important concepts in the context of customary rights and law found

in Sabah, namely the judicial institution of the Native Court, the Native concept and the Sogit concept. In terms of harmonious inter-ethnic relations in Sabah, it was found that through cultural, racial and religious diversity, community members can still tolerate and respect each other's customs. Even in many situations, custom becomes a liaison or compromise in resolving conflicts between communities. In terms of harmony, Sogit customs play an important role in maintaining peace and well-being of society. The concept of Sogit is holistic in nature and has a system of resolving conflicts in its own society is the basis for inter-ethnic harmony in the state. Therefore, a more comprehensive study of the influence of indigenous peoples' rights and customary laws on tolerance and harmonious inter-ethnic relations in Sabah is necessary to see the extent of its relevance in the context of harmonious relations of the plural society in Sabah and Malaysia.

Keywords: Influence, Customary Rights and Laws, Tolerance, Harmonious Relations, Ethnicity in Sabah.

Pengenalan

Hubungan toleransi dan keharmonian antara pelbagai etnik dan suku kaum di Malaysia sering dikaitkan sebagai kunci kesejahteraan bagi sesebuah komuniti. Toleransi merupakan salah satu cara untuk mengukur hubungan dalam masyarakat sama ada baik ataupun sebaliknya (Budi Anto & Saidatul Nornis, 2020). Umumnya, toleransi merujuk kepada kesanggupan individu untuk menjalinkan hubungan serta tinggal bersama-sama dengan individu yang berlainan ciri-ciri latar belakang dan perbezaan sosial yang lain (Weldon, 2003). Menurut Ferrar (1976), konsep toleransi merupakan suatu tindakan yang dilakukan tanpa paksaan dan dipamerkan melalui sikap, pendapat, tingkah laku dan kepercayaan. Manakala, konsep hubungan harmoni pula sering dikaitkan sebagai nilai kemanusiaan, merujuk kepada keserasian dan kesesuaian dalam perasaan, tindakan, perhubungan, pendapat, minat, dan lain-lain (Chen, 2009). Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi tingkat toleransi dan hubungan harmoni dalam sesebuah kelompok masyarakat. Salah satu faktor tersebut adalah hak dan undang-undang adat. Walaupun lingkungan masyarakat yang terdapat dalam cakupan hak dan undang-undang adat ini adalah bersifat khusus iaitu hanya melibatkan komuniti pribumi ataupun masyarakat orang asal bagi sesebuah kawasan, namun peranannya dalam memacu keamanan kehidupan manusia adalah relevan.

Memandangkan banyak komuniti orang asal hidup terpencil tetapi sejarah dan tradisi cenderung untuk mengorientasikan ahli masyarakat dalam kelompok ini melalui institusi undang-undang adat dimana pertikaian sering dikendalikan secara adat dalam kalangan ahli komuniti (Upton, 2020). Misalnya, Tsai (2015) dalam kajiannya berkenaan penyelesaian pertikaian hak warisan dalam kalangan masyarakat Paiwan di Taiwan mendapati bahawa hak dan undang-undang adat memainkan peranan dalam menjaga keharmonian kelompok masyarakat ini. Dalam masyarakat Paiwan, konflik mengenai warisan sering diselesaikan oleh majlis keluarga (*Family Council*) yang terdiri daripada ahli keluarga yang lebih tua, termasuk ibu bapa yang masih hidup; adik beradik, sepupu, dan keluarga besar; dan sepupu tua kedua-dua pihak (Upton, 2020). Dalam konteks hubungan etnik yang lebih besar, konsep majlis keluarga seperti ini berpotensi untuk menjadi model kepada pembangunan kesepaduan sosial di peringkat yang lebih tinggi seperti dalam rancangan pembangunan perpaduan negara.

Selain daripada berperanan penting dalam mewujudkan hubungan yang harmoni dalam sistem kekeluargaan, perihal berkenaan adat istiadat ini sebenarnya telah menjadi tapak penyatuan secara tidak langsung dalam kehidupan masyarakat. Misalnya, dalam upacara perkahwinan di Malaysia, unsur-unsur

pluralisme dan penyatuan dibuktikan juga apabila wujudnya ikatan antara masyarakat Cina Baba dengan masyarakat tempatan, seterusnya membawa kepada proses asimilasi budaya seperti adat bersanding, bunga manggar dan bunga telur yang diadaptasi masyarakat menerusi perkahwinan dengan pendatang dari India (Shamsul Amri, 2012). Malah, dalam agama Islam, terdapat sebilangan undang-undang adat adalah tidak bercanggah malah harmoni dalam kehidupan (Wekke, 2014; Pg Ismail et al., 2018). Justeru itu, penelitian berkenaan pengaruh hak dan undang-undang di Sabah ini perlu dilakukan bagi melihat keberkesannya pemangkin kepada toleransi dan hubungan harmoni dalam kalangan penduduknya.

Sorotan Literatur

Hak dan undang-undang adat yang terdapat di Sabah adalah berada di bawah jagaan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah. Badan kehakiman yang memelihara dan melaksanakan perundangan berkenaan perkara ini pula dikenali sebagai Mahkamah Anak Negeri Sabah. Terdapat beberapa konsep penting yang perlu difahami dalam melihat hubungan hak dan undang-undang adat terhadap toleransi dan hubungan harmoni antara etnik di Sabah seperti Mahkamah Anak Negeri, Anak Negeri Sabah dan Sogit.

1. Peranan Mahkamah Anak Negeri Sabah Sebagai Pelaksana Undang-Undang Adat


Salah satu keunikan dalam sistem kehakiman di Borneo Utara (kini Sabah) adalah adanya Mahkamah Anak Negeri (MAN) yang terdapat di setiap daerah. Pada tahun 1913, British North Borneo Chartered Company (BNBCC) menubuhkan MAN secara rasmi sebagai sebuah badan kehakiman hal ehwal adat istiadat orang asal di Sabah. Beberapa komponen sistem perundangan konvensional semasa pada ketika itu telah diinstitusikan oleh BNBCC. Perundangan ini telah disemak oleh BNBCC untuk menjadikan undang-undang adat sebagai peraturan sosial yang sistematik (Sharifah Zaleha, 1995). Menurut Sabihah (1985), Mahkamah Anak Negeri pertama yang ditubuhkan di Sabah adalah pada tahun 1884 di Putatan, Sabah. Semasa pendudukan Jepun pada tahun 1942 hingga 1945, peranan Mahkamah Anak Negeri dalam mengadili isu-isu adat di Sabah telah terganggu seketika. Apabila Kerajaan British mengisytiharkan Sabah sebagai tanah jajahan (1946-1963), peranan Mahkamah Anak Negeri telah dihidupkan semula, dan pentadbirannya menjadi lebih teratur dengan kelulusan Ordinan Mahkamah Anak Negeri pada tahun 1953. Begitu juga, sebaik sahaja Sabah memperoleh kemerdekaan, Mahkamah Anak Negeri dikekalkan sebagai institusi rasmi Kerajaan Negeri Sabah dalam menghormati dan melindungi undang-undang adat dan kesejahteraan orang asal atau anak negeri Sabah.

Menurut Azlizan dan Salbiya (2020), sejarah undang-undang adat dalam konteks anak negeri merupakan elemen penting bagi menjamin kesepaduan sosial dan hubungan harmoni antara pelbagai etnik di Sabah. Sebelum pentadbiran BNBCC di Sabah pada tahun 1881, anak negeri di Sabah mempunyai sistem perundangan sendiri berdasarkan undang-undang adat yang diturunkan dari generasi ke generasi. Pada ketika itu, masyarakat di Borneo Utara telah mempunyai sistem kehakiman yang tersendiri menyerupai Mahkamah Anak Negeri. Sistem kehakiman ini bersifat tidak formal iaitu secara lisan yang diwarisi oleh generasi terdahulu dan diketuai oleh Orang Tua (Ketua Kampung). Kini, di bawah pemantauan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, MAN beroperasi secara aktif di seluruh Sabah bagi memenuhi keperluan penduduk sama ada dalam urusan perbicaraan adat istiadat, perkahwinan, perceraian, pengambilan anak angkat, tuntutan waris, pengesahan dokumen dan sebagainya. Sistem Mahkamah Anak Negeri lebih terperinci dari segi kakitangan di peringkat Mahkamah Anak Negeri Daerah yang dibahagikan kepada empat jawatan utama iaitu Ketua Daerah (KD) atau Orang Kaya-Kaya (OKK), Ketua Anak Negeri (KAN), Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN) dan Ketua Kampung (KK). Bagi sesetengah MAN yang mempunyai bilangan penduduk Cina yang

ramai, jawatan Ketua Masyarakat Cina turut diwujudkan. Objektif utama MAN menjaga kesepaduan sosial dan hubungan harmoni antara pelbagai etnik dan kaum di Sabah.

Setiap individu dalam struktur organisasi MAN mempunyai bidang tugas yang berbeza. Ketua Daerah (KD) misalnya ialah pegawai kerajaan yang berperanan sebagai ketua kepada semua ketua masyarakat di sesebuah daerah (Yusri, 1998; Rosazman et al., 2021). Ketua masyarakat yang dimaksudkan adalah Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung yang mewakili kampung-kampung dan suku-suku kaum yang berbeza. Undang-undang yang digunakan dalam perbicaraan di MAN adalah bergantung kepada tempat di mana pelanggaran adat ataupun asal tempat kelahiran pihak yang mengambil bahagian dalam perbicaraan yang berlangsung (Rosazman et al., 2021). Hal ini demikian kerana undang-undang adat yang digunakan dalam setiap MAN adalah berbeza mengikut adat setiap etnik yang terdapat di sesebuah daerah tersebut. Contohnya, sekiranya kes yang dilaporkan berlaku di kawasan yang didominasi oleh etnik Rungus, undang-undang adat yang digunakan ialah undang-undang adat etnik Rungus. Rajah 1 menggambarkan struktur organisasi Mahkamah Anak Negeri Sabah. Tujuan adalah supaya undang-undang adat kumpulan etnik orang asal di sesebuah lokasi penempatan diiktiraf dan dijamin haknya.

Rajah 1. Struktur organisasi Mahkamah Anak Negeri Sabah



Sumber: Diubahsuai daripada Rosazman et al. (2021)

2. Pengertian Konsep “Anak Negeri” di Sabah

Perkataan “Anak Negeri” biasa digunakan untuk merujuk kepada bumiputera Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Semua entiti kerajaan yang mengendalikan urusan bumiputera di Sabah, seperti Mahkamah Anak Negeri, Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, dan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, dirujuk sebagai Anak Negeri (Pg. Ismail et al., 2018). Seksyen 2 (1) Ordinan Tafsiran (Definisi Anak Negeri) 1952 mentakrifkan istilah ‘anak negeri’ di Sabah sebagai makna sama ada;

- mana-mana orang yang kedua ibu bapanya adalah atau merupakan anggota orang yang berasal dari Sabah; atau

- mana-mana orang yang biasanya menetap di Sabah dan menjadi dan hidup sebagai anggota komuniti asal, sekurang-kurangnya orang tua atau nenek moyangnya adalah atau berasal dari arti perenggan (a); atau
- mana-mana orang yang biasanya menetap di Sabah, adalah anggota Suluk, Kagayan, Simonol, Sibutu atau Ubian atau orang-orang yang berasal dari Negeri Sarawak atau Negeri Brunei, telah tinggal sebagai dan menjadi anggota dari komuniti pribumi untuk jangka masa berterusan tiga tahun sebelum tarikh tuntutan sebagai orang asli, mempunyai watak yang baik sepanjang tempoh itu dan yang tinggal di Sabah tidak terhad di bawah mana-mana peruntukan Akta Imigresen, 1959/63; atau
- mana-mana orang yang biasanya bermastautin di Sabah, adalah anggota masyarakat pribumi Republik Indonesia atau kumpulan pulau Sulu di Kepulauan Filipina atau Negeri-negeri Malaya atau Republik Singapura, telah hidup seperti dan seorang anggota komuniti asli untuk jangka masa berterusan lima tahun tepat sebelum tarikh tuntutan sebagai orang asli, mempunyai watak yang baik sepanjang tempoh itu dan yang tinggal di Sabah tidak terhad di bawah mana-mana peruntukan Akta Imigresen , 1959/63.

Tafsiran definisi Anak Negeri ini penting bagi masyarakat orang asal di Sabah sebagai asas menjaga hak dan kesepaduan sosial.

3. Sogit Sebagai Penyejuk Konflik dan Pelanggaran Adat

Sogit merupakan kata terbitan yang diambil daripada perkataan *osogit* dalam bahasa Dusun yang membawa maksud sejuk. Oleh itu, perkataan *Sogit* secara harfiahnya adalah membawa maksud “menyejukkan”. Adat *Sogit* secara khusus membawa makna ganti rugi penyejuk yang dilakukan dengan mengorbankan haiwan bagi menghindari ancaman buruk kuasa ghaib (Pg. Ismail et al., 2018). Pelanggaran adat yang sering dikenakan *Sogit* adalah seperti perlakuan sumbang mahram, perkahwinan langkah bendul serta pelbagai lagi kesalahan seksual dan kesusilaan yang lain dalam kalangan masyarakat orang asal di Sabah (Herman, 2009; Low, 2005; Pg. Ismail et al., 2018). Menurut Adlina et al. (2012), *Sogit* diamalkan sebagai prinsip pampasan kolektif dan solidariti komunal yang memberi peluang kepada pesalah atau pihak terlibat untuk memohon ampun kepada pihak yang terkilan dan kepada seluruh masyarakat. Dalam adat *sogit*, terdapat hidangan ritual seperti nasi, khinzir, kambing dan ayam yang dipersembahkan untuk memulihkan keharmonian kampung secara simbolik dan memulihkan integritinya (Adlina et al., 2012). Objektif *sogit* adalah menjamin kesepaduan sosial tetap kukuh dalam kehidupan harian orang asal di Sabah yang menjurus kepada sikap toleransi dan hubungan harmoni antara ahli masyarakat.

Menurut Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (2022), antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman *sogit* adalah perbuatan mencuri hasil tanaman atau ternakan, merosakkan tanaman, membunuh haiwan ternakan, merogol dan melarikan anak gadis. Adat *sogit* sebagai sebuah undang-undang adat yang digunakan oleh majoriti suku kaum yang terdapat di Sabah, ia juga telah menjadi identiti dalam pelaksanaan hukuman di Mahkamah Anak Negeri Sabah melalui Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995). Dalam Kaedah ini, *sogit* didefinisikan sebagai penalti adat yang berdarah (*customary haematic penalty*) dan perlu dibayar dalam bentuk binatang ternakan seperti khinzir, kambing, kerbau atau unggas (ayam). Pelaksanaan adat *sogit* majoritinya diamalkan oleh komuniti bukan beragama Islam atau agama lain yang mempunyai kepercayaan bertentangan dengan ritual adat ini, namun ianya masih diterima oleh orang asal yang pelbagai etnik itu dengan penyesuaian mengikut agama masing-masing. Hal ini

dijelaskan oleh Pg. Ismail et al. (2018) bahawa adat sogit turut dikenakan kepada anak negeri Sabah yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, sogit tersebut boleh diberikan dalam bentuk fizikal binatang ternakan halal seperti lembu, kerbau, kambing dan ayam ataupun dibayar berdasarkan harga pasaran binatang ternakan tersebut.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu analisis ke atas sumber-sumber primer dan sekunder. Sumber data primer yang digunakan dalam penulisan ini adalah merujuk kajian lapangan berkaitan Mahkamah Anak Negeri pada tahun 2021 sehingga sekarang. Sumber primer kajian Mahkamah Anak Negeri ini penting dalam kaitannya dengan kajian toleransi dan hubungan harmoni antara etnik di Sabah. Pungutan data sekunder dalam kajian ini pulz mengambil kira aspek sumber perpustakaan yang melibatkan penelitian dan pentafsiran terhadap sumber-sumber yang diperoleh oleh pengkaji terdahulu. Antara sumber yang dirujuk oleh pengkaji adalah Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992, artikel dalam jurnal samada berindeks atau tidak berindeks, bab dalam buku dan laporan akhbar melalui sumber online dan internet.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Perbincangan berkenaan hasil kajian dalam kajian ini adalah berfokus kepada penelitian pengaruh hak dan undang-undang adat terhadap toleransi dan hubungan harmoni antara etnik di Sabah.

1. Pengaruh Hak dan Undang-Undang Adat Terhadap Toleransi Antara Etnik di Sabah

Undang-undang adat di Sabah sememangnya memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan masyarakat yang bertoleransi dan mempunyai hubungan harmoni dalam kalangan kumpulan etniknya. Toleransi penduduk di Sabah yang pelbagai budaya tersebut adalah pada tahap yang baik (Sabihah, 2007; Kntayya, 2007; Budi Anto, 2008; Budi Anto & Saidatul Nornis, 2020). Menurut Chua et al. (2016), Walaupun masyarakat di Malaysia bersikap berat sebelah terhadap kaum lain namun, seperti yang dibuktikan oleh kajian lain, perkara ini tidak begitu ketara di negeri Sabah. Empat kumpulan etnik yang terlibat dalam kajian ini iaitu etnik KadazanDusun, Bajau, Murut dan Cina masing-masing mendakwa bahawa mereka merupakan kumpulan etnik yang bersifat terbuka serta menghormati kumpulan etnik lain.

Toleransi dalam kumpulan etnik di Sabah adalah tinggi kerana kesanggupan mereka menerima individu dari keluarga, kaum atau agama yang berlainan sebagai keluarga mereka tanpa melalui perkahwinan tetapi perlu melalui ritual adat dalam budaya tersebut sahaja (Budi Anto & Saidatul Nornis, 2020). Ritual adat tersebut adalah Mikorot dalam bahasa dusun, *mingkeret* dalam bahasa Iranun dan *minum daraha* dalam bahasa Dusun Tindal yang merujuk kepada upacara mengaku saudara (Budi Anto & Saidatul Nornis, 2020). Walaupun jumlah atau kekerapan upacara ini tidak banyak dilakukan di Sabah, namun ianya salah satu identiti yang amat penting dalam menggambarkan tingkat toleransi dalam kalangan masyarakatnya. Malah menurut Budi Anto dan Saidatul Nornis (2020), dalam konteks hubungan etnik, upacara Mikorot merupakan penerimaan yang tinggi melangkaui batas etnik dan keturunan dan menunjukkan satu indikator yang tinggi dalam toleransi etnik di Sabah.

Amalan yang menjadi kepercayaan dalam sesebuah suku kaum menjadi ritual dalam sesebuah keluarga menunjukkan kuatnya toleransi sesebuah kelompok etnik kepada kelompok etnik yang lain. Dalam konteks yang lebih kecil, peranan undang-undang adat atau kepercayaan dalam toleransi sesebuah keluarga dijelaskan

oleh Nevashiny dan Rosazman (2021). Perkara tersebut dapat dijelaskan melalui Informan 2 mereka seperti berikut;

Amalan saya datang daripada kedua ibu bapa saya iaitu Cina dan Kadazan. Jadi kami akan mengikuti kepercayaan yang mereka percaya. Contohnya bapa saya Cina masa Tahun Baru Cina kami tidak dibenarkan menyapu lantai kerana bagi kaum Cina, masa Tahun Baru Cina, itu rezeki akan datang pada setiap rumah. Jadi sekiranya kami menyapu lantai mereka percaya ia akan melarikan rezeki ke luar rumah. Untuk kaum Kadazan, kepercayaan ibu saya adalah semasa hari kematian. Kami punyai sesi momisok iaitu pada hari ketujuh meninggal dunia, kami akan memanggil bomoh untuk datang dan kami percaya bomoh itu akan panggil balik roh itu untuk beritahu roh itu, bahawa dia tidak lagi seperti orang biasa hidup di dunia. Dia sebenarnya sudah menjadi roh dan meninggal dunia. Itu yang kaum Kadazan percaya masa hari ke-tujuh kematian.

(Informan 2, 2019 dalam Nevashiny & Rosazman, 2021)

Penerimaan yang tidak berbelah bagi dalam kalangan penduduk di Sabah berkenaan hubungan persaudaraan tanpa pertalian darah, perkahwinan campur dan dalam pergaulan seharian telah menjadi ikutan dari generasi terdahulu sehinggalah pada hari ini. Tahap toleransi yang tinggi ini menjadikan masyarakat terbiasa untuk mematuhi dan menghormati hak dan undang-undang adat yang diamalkan oleh etnik ataupun agama lain. Malah, toleransi etnik yang wujud ini telah menjadi pengukur dalam melihat sejauh mana hubungan harmoni antara etnik yang terdapat di Sabah.

2. Pengaruh Hak Dan Undang-Undang Adat Terhadap Hubungan Harmoni Antara Etnik Di Sabah

Keharmonian etnik yang dapat dinikmati di Sabah pada hari ini adalah hasil daripada toleransi yang telah wujud oleh kerencaman etnik yang terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan hampir 50 jenis bahasa yang kemudiannya dituturkan dalam lebih 80 dialek (Sharifah Darmia, 2020). Kerencaman etnik dan sistem undang-undang adat yang telah bertapak sekian lama di Sabah, telah menjadi asas integrasi dalam kalangan penduduknya. Malah, kepentingan hak dan undang-undang adat ini sering diselitkan dalam perayaan-perayaan tradisi yang disambut di Sabah misalnya dalam sambutan Pesta Kaaamatan yang menjadi identiti khusus dalam mempromosikan keunikan serta tarikan pelancongan yang terdapat di Sabah.

Kejayaan fungsi institusi kehakiman Mahkamah Anak Negeri Sabah dalam menguruskan hal ehwal adat istiadat dalam kalangan anak negeri turut mempengaruhi hubungan harmoni yang dapat dinikmati di Sabah pada masa ini. Kewujudan adat sogit dalam institusi Mahkamah Anak Negeri Sabah memainkan peranan penting dalam mewujudkan hubungan harmoni sama ada konflik dalam kalangan masyarakat atau konflik masyarakat dan alam sekitar. Salah satu hukuman sogit yang dikenakan kepada anak negeri bagi tujuan keharmonian setempat adalah *sogit babas* iaitu denda pendamaian yang melibatkan satu pihak memberikan seekor haiwan untuk disembelih dan dimakan oleh pihak yang terkesan daripada konflik yang berlaku (Sharifah Darmia, 2020). Malah dalam sesetengah kes, kedua-dua pihak boleh saling memberikan haiwan sebagai tanda tamatnya sengketa antara mereka. Perkara ini menunjukkan bahawa aspek hak dan undang-undang adat di Sabah telah berjaya menjadi entiti yang penting dalam mengukuhkan hubungan harmoni dalam kalangan penduduknya.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa arus pemodenan membawa dampak yang jelas menunjukkan bahawa generasi muda pada masa kini perlu memahami kepentingan hak dan undang-undang

adat dalam kehidupan seharian mereka. Pengetahuan berkenaan hak dan undang-undang adat semakin ditinggalkan dengan kurangnya inisiatif untuk memberi nafas baharu kepada pengenalan undang-undang adat di peringkat sekolah mahupun melalui platform media sosial. Usaha untuk mengetengahkan peranan hak dan undang-undang adat dalam mewujudkan hubungan harmoni di Sabah perlu direkodkan dengan lebih baik supaya boleh dijadikan model dan rujukan dalam konteks hubungan etnik yang terdapat di negeri ini. Tambahan lagi, pengetahuan berkenaan hak dan undang-undang adat dapat mewujudkan hubungan harmoni dalam kelompok pelbagai etnik di Sabah pada masa hadapan.

Kesimpulan

Secara umumnya, hak dan undang-undang adat yang telah dipraktikkan di Sabah telah menjadi sebahagian daripada amalan dalam kehidupan harian masyarakat sehingga sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat untuk hidup bertoleransi dalam kepelbagaian etnik yang wujud. Masyarakat di Sabah majoritinya sudah mengetahui, memahami dan menerima perbezaan dan keunikan antara satu etnik dengan etnik yang lain. Oleh itu, proses toleransi berlaku dengan baik malah perbezaan yang dimiliki dirayakan sebagai satu bentuk penghargaan dan penghormatan bagi etnik lain. Pengamalan adat sogit, upacara *mikorot* dan sebagainya membuktikan bahawa hak dan undang-undang adat yang terdapat di Sabah telah berjaya mempengaruhi tahap toleransi dalam diri masyarakat. Hubungan harmoni turut boleh dicapai hasil daripada wujudnya toleransi dalam diri setiap ahli masyarakat di Sabah dan ianya boleh diraikan bersama dalam sambutan perayaan tradisi dan adat istiadat di negeri ini khususnya dan dalam kehidupan seharian masyarakat Sabah umumnya.

Penghargaan: Ribuan terima kasih dan penghargaan kami ucapkan kepada Universiti Malaysia Sabah kerana telah menyediakan geran penyelidikan Skim Dana Khas SDK0328-2021 dan geran penyelidikan Skim Dana Khas SDK0086-2019 bagi memastikan penyelidikan ini dilaksanakan dengan jaya.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah di perolehi daripada semua individu atau subjek yang menyertai kajian ini.

Konflik Kepentingan: Artikel ini tiada konflik kepentingan dengan mana mana pihak.

Rujukan

- Adlina. Ab. Halim, N. Othman, S. R. Ismail, J. A. Jawan, and N. N. Ibrahim. (2012). Indigenous knowledge and biodiversity conservation in Sabah, Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 2(2), 159-163.
- Azlizan & Salbiya. (2020). Pentadbiran British di Sabah: Kesejahteraan anak negeri melalui penubuhan Mahkamah Anak Negeri 1884-1965. *Geografia*, 16(1).
- Budi Anto & Saidatul Nornis. (2020). Hubungan Kaum di Sabah: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 95-104.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2008). *Pengaruh Agama dalam Interaksi dan Toleransi Etnik: Kajian Kes terhadap pelajar Bumiputera Bajau dan Kadazan di Universiti Malaysia Sabah*. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah. Tesis Sarjana.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2018). Mikorot Dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hubungan Etnik. *MANU*, 27, 93-120.

- Chen. (2009). Harmony in Lopez (2009). *The encyclopedia of positive psychology*. London: Blackwell Publishing. pp.464-467.
- Chua B. S., Jasmine Adela Mutang & Lailawati Madlan. (2016). Persepsi Kumpulan Multietnik di Sabah terhadap Etnik Diri dan Etnik Lain. *Jurnal MANU*, 24, 111-145
- Ferrar, J. W. (1976). The dimensions of tolerance. *Pacific Sociological Review*, 19(1), 63-81.
- Herman J. Luping (2009). "*Indigenous Ethnic Communities of Sabah, The Kadazan Dusun*". Kuala Lumpur: Kementerian Maklumat, Komunikasi, dan Kebudayaan Malaysia.
- Hussin, R., Johnes, J., Mapjabil, J., & Stephen, J. (2021). Struktural Ekosistem dan Tadbir Urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 281-292. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2022). Adat Resam dan Budaya Kaum Kadazandusun: Adat Sogit. Diakses dari <https://pemtaanbudaya.my/culture/dis/419> pada 28 Januari 2022.
- Kntayya Mariappan (2007). *Tahap Toleransi Etnik Di Sabah: Analisis Awal dalam Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah*. Laporan Penyelidikan IRPA. Tidak Diterbitkan
- Low Kok On (2005). "*Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*". Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nevashiny & Rosazman. (2021). Perkahwinan komuniti sino-kadazan di Kota Kinabalu, Sabah: memahami cabaran identiti, pelbagai adat dan hubungan harmoni dalam keluarga: sino-kadazan. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 7(1), 86-100.
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdur Rahman. (2018). Amalan Sogit ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari Perspektif Hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19, 1.
- Rosazman Hussin, Johan Johnes, Jabil Mapjabil, Jeannet Stephen, Jurry Foo @ Jurry Bt. F. Michael, Zaini Othman & Baszley Bee Basrah Bee. (2021). Native Court in Kudat and Matunggong, Sabah: Challenges to its Governance and Structural Ecosystem. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(25), 94-113.
- Sabihah Osman. (1985). *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabihah Osman. 2007. *Toleransi etnik dan perpaduan sosial di negeri Sabah*. Laporan akhir penyelidikan IRPA. Tidak diterbitkan.
- Shamsul Amri (2012). *Modul Hubungan Etnik*, Bangi: Insitut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Darmia. (2020). Pengaruh Budaya dalam Keharmonian Etnik di Sabah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*. Diakses dari http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/007_ID014_Pengaruh_Budaya_Dalam_Keharmonian_Etnik_Di_Sabah.pdf pada 28 Januari 2022.
- Sharifah Zaleha. (1995). *Mahkamah Anak Negeri dan pelanjutan undangundang Adat di Sabah: Satu interpretasi sosiobudaya*. Dlm. Ismail Hussein, A. Aziz Deraman, & Abd. Rahman Al-Ahmadi (pnyt.), Tamadun Melayu (hlm: 1532-1558). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tsai, Grace Ying-fang. 2015. "*Inheritance Dispute Resolution in Paiwan Tribes*." *National Taiwan University Law Review* 10:289-334.
- Upton, J. C. (2020). *Culture on Trial: Law, Custom, and Justice in a Taiwan Indigenous Court* (Doctoral dissertation, Indiana University).

- Wekke, I. S. (2014). Islam dan adat dalam pernikahan masyarakat bugis di Papua Barat. *THAQAFIYYAT: Jurnal Bahasa, Peradaban dan Informasi Islam*, 13(2).
- Weldon, S. (2003). *Images of nationhood and tolerance of ethnic minorities: A comparative analysis of Western Europe*. Centre For The Study of Democracy. Diakses dari <http://repositories.cdlib.org/csd/03-09> pada 28 Januari 2022.
- Yusri Bin Pungut. (1998). *Undang-undang Adat dan Perkembangan Bidangkuasa Mahkamah Anak Negeri Sabah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.